

ASNB

Laporan Tahunan

Bagi tahun kewangan berakhir
31 Mac 2026



ASB 2



ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT DANA	1
2. PRESTASI DANA	2
3. LAPORAN PENGURUS	5
4. PENYATA PENGURUS	15
5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH	16
6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASB 2	17
7. PENYATA KEWANGAN	18
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2026	18
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2026	19
7.3 Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2026	20
7.4 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan - 31 Mac 2026	21
8. ALAMAT CAWANGAN ASNB	32
9. MAKLUMAT KORPORAT	34

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2
("ASB 2")



ASB 2

Pemegang-pemegang unit ASB 2 yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad ("ART") selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") selaku Pengurus ASB 2 dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASB 2 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026.

1. MAKLUMAT DANA

Nama	ASB 2
Kategori	Aset Campuran
Jenis	Pendapatan
Objektif Pelaburan	Menyediakan aliran pendapatan tetap di samping memastikan pengekalan modal pelaburan pemegang unit melalui portfolio aset campuran. Nota: ASB 2 bukan dana modal terjamin mahupun modal terlindung mengikut definisi Garis Panduan Dana Unit Amanah.
Penanda Aras	Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan ("Maybank 12 bulan")
Polisi Pengagihan Pendapatan	Mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

2. PRESTASI DANA

2.1 PERUMPUKAN ASET

- A. Perumpukan Aset Bagi ASB 2 ("Dana") Mengikut Kelas Aset pada Nilai Pasaran, Berdasarkan Nilai Aset Bersih ("NAB") Dana:

Kelas Aset	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac (%)		
	2026	2025	2024
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:			
Perkhidmatan Komunikasi	4.80	5.52	6.94
Barangan Bukan Asasi Pengguna	3.24	3.17	3.18
Barangan Asasi Pengguna	5.14	6.02	5.81
Tenaga	2.31	2.91	3.57
Kewangan	21.10	23.83	26.48
Penjagaan Kesihatan	1.87	2.62	3.95
Perindustrian	8.57	10.02	9.69
Teknologi Maklumat	8.26	7.83	7.05
Bahan Asas	1.83	2.13	3.51
Hartanah	5.83	7.24	8.11
Utiliti	7.29	7.61	8.17
Jumlah	70.24	78.90	86.46
Pelaburan di Pasaran Sekuriti Berpendapatan Tetap	16.17	12.40	6.66
Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Dana Didagangkan Bursa ("ETF")	4.34	2.53	2.33
Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	9.25	6.17	4.55
Jumlah	100.00	100.00	100.00

- B. Perumpukan Aset Bagi Dana Berdasarkan Pecahan Geografi:

Kelas Aset	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac (%)		
	2026	2025	2024
Global			
Ekuiti	22.60	23.18	26.10
Sekuriti Berpendapatan Tetap	3.59	1.28	0.26
Unit Amanah dan ETF	4.32	2.51	2.30

Kelas Aset	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac (%)		
	2026	2025	2024
Domestik			
Ekuiti	47.64	55.72	60.36
Sekuriti Berpendapatan Tetap	12.58	11.12	6.40
Unit Amanah dan ETF	0.02	0.02	0.03

C. Senarai 20 Pelaburan Terbesar dari segi Peratusan Nilai Pasaran Berbanding dengan NAB Dana:

Bil.	Pegangan	% Daripada NAB Dana
1.	Malayan Banking Berhad	10.14
2.	Malaysia Government Investment Issue	6.44
3.	Tenaga Nasional Berhad	3.95
4.	SD Guthrie Berhad	3.43
5.	Public Bank Berhad	3.31
6.	CIMB Group Holdings Berhad	3.23
7.	Petronas Gas Berhad	2.27
8.	Aspac Lubricants (Malaysia) Sdn. Bhd.	1.97
9.	CelcomDigi Berhad	1.28
10.	PNB Real Estate 1 LLC USD	1.28
11.	MISC Berhad	1.13
12.	Maxis Berhad	0.95
13.	Petronas Dagangan Berhad	0.92
14.	PNB Capital LLC USD - Class A	0.91
15.	Sime Darby Berhad	0.88
16.	Sime Darby Property Berhad	0.87
17.	PNB Real Estate 1 LLC EUR	0.80
18.	Telekom Malaysia Berhad	0.77
19.	RHB Bank Berhad	0.72
20.	PNB Capital LLC USD - Class C	0.66

Nota: Bagi perkara (C) di atas, senarai lengkap pelaburan akan disediakan atas permintaan pemegang unit.

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Selepas Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac		
	2026	2025	2024
Unit Dalam Edaran (Juta)	15,935.00	14,172.00	12,747.00
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	5.50	5.50	5.25
Jumlah Peruntukan Pengagihan (RM Juta)	820.50	730.98	660.55
Tarikh Pengagihan Pendapatan	1 April 2026	1 April 2025	1 April 2024
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	0.41	0.51	0.53
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.63	0.55	0.47

Nota:

1. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP") adalah nisbah antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Dana dengan purata NAB pada kos berpandukan pengiraan harian. Perubahan antara NPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025 adalah tidak ketara.
2. Nisbah Pusing Ganti Portfolio ("NPGP") adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos berpandukan pengiraan harian. Perubahan antara NPGP bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025 adalah tidak ketara.

2.3 JUMLAH PULANGAN PURATA TAHUNAN

ASB 2	31 Mac 2026		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Pulangan Purata Tahunan (%) ¹	5.50	5.42	5.11

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Pengiraan jumlah pulangan purata tahunan adalah seperti berikut:-

(a) 1 tahun = i_t

(b) 3 tahun = $\frac{[i_t + i_{t-1} + i_{t-2}]}{3}$

(c) 5 tahun = $\frac{[i_t + i_{t-1} + i_{t-2} + i_{t-3} + i_{t-4}]}{5}$

Di mana, i = pengagihan pendapatan ; t = tahun semasa

2.4 PERBANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN PENANDA ARAS

ASB 2	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac				
	2026	2025	2024	2023	2022
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	5.50	5.50	5.25	5.00	4.30
Penanda Aras (%)	2.18	2.54	2.80	2.52	1.85

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Dana masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 POLISI PELABURAN

Seperti yang dibenarkan dalam Surat Ikatan, Dana boleh melabur dalam portfolio kelas aset yang pelbagai mengikut had pelaburan yang diluluskan, merangkumi:

- Ekuiti,
- Sekuriti berpendapatan tetap,
- Instrumen pasaran wang,
- Lain-lain sekuriti di Malaysia atau mana-mana pasaran yang diiktiraf.

Dana boleh melabur sehingga 90% daripada Nilai Dana ("Value of Fund") dalam ekuiti dan selebihnya dalam sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang termasuk aset mudah tunai. Walau bagaimanapun, Dana boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

3.2 ANALISIS PRESTASI DANA

Perbandingan Prestasi Tahunan	Pulangan 2026 : 5.50%
	Pulangan 2025 : 5.50%
	Pulangan Dana bagi tahun kewangan 2026, kekal pada paras 5.50% dengan mengimbangi pengukuhan pasaran modal dan pengurangan pegangan secara terpilih bagi memelihara nilai modal serta pengurusan risiko yang berdisiplin.
Prestasi Berbanding Penanda Aras	Pulangan Dana : 5.50%
	Penanda Aras : 2.18%
	Pulangan Dana adalah lebih tinggi berbanding penanda aras kerana prestasi baik untuk pegangan dalam ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap.

3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Perumpukan Aset	Strategi pelaburan Dana dilaksanakan dengan mengambil kira keadaan ekonomi serta prestasi pasaran modal di peringkat domestik dan global. Perumpukan aset ditentukan berdasarkan faktor ekonomi domestik dan global, kadar pulangan sekuriti berpendapatan tetap, serta prestasi pasaran saham bagi memastikan objektif pelaburan Dana tercapai. Dana terus menuju ke arah perumpukan aset strategik jangka panjang dengan menurunkan pendedahan dalam ekuiti domestik dan meningkatkan pelaburan dalam kelas aset lain seperti ekuiti global dan sekuriti berpendapatan tetap domestik dan global.
------------------------	---

	Prestasi pasaran modal dipengaruhi oleh penyambungan semula kitaran penurunan kadar faedah dasar oleh bank-bank pusat antarabangsa bermula pada bulan September 2025, serta ketidaktentuan ekonomi ekoran ketegangan geopolitik yang berterusan terutamanya di Timur Tengah iaitu perang di antara Amerika Syarikat dan Iran. Perumpukan aset: • Ekuiti: 65%-75% • Sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang, termasuk tunai: 15%-25% Dari segi geografi, pelaburan Dana tertumpu kepada pasaran domestik, dengan lebih 60% aset dilaburkan di dalam Malaysia, dan bakinya dilaburkan di pasaran luar negara bagi tujuan mempelbagaian.
Ekuiti Domestik	Tumpuan kepada sektor-sektor yang mendapat manfaat langsung daripada pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan terutamanya sektor-sektor yang didorong oleh permintaan domestik dan berdaya tahan dalam ketidaktentuan pasaran global yang dipengaruhi oleh ketegangan geopolitik yang berterusan. Pelaburan dilaksanakan secara selektif dengan penekanan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh, prospek perniagaan yang stabil serta pulangan jangka panjang yang mampan. Sektor-sektor utama yang menjadi tumpuan: • Sektor Kewangan Peningkatan dalam aktiviti pinjaman dan pembiayaan dengan pulangan dividen yang kompetitif dan stabil, selaras dengan peranan sektor Kewangan sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi domestik. • Sektor Penjagaan Kesihatan Sektor bersifat defensif, di samping potensi untuk mendapat manfaat daripada inisiatif kerajaan seperti Tahun Melawat Malaysia 2026 ("Visit Malaysia 2026, VMY2026") yang dijangka menyokong pertumbuhan pelancongan perubatan di negara ini, peningkatan minat pelabur terhadap sektor Penjagaan Kesihatan, khususnya susulan jangkaan Tawaran Permulaan Awam ("Initial Public Offering, IPO") berskala besar oleh Sunway Healthcare Holdings Berhad, yang berpotensi menyumbang kepada penilaian semula ("re-rating") sektor secara keseluruhan. • Sektor Utiliti dan Sektor Tenaga Sejajar dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara ("National Energy Transition Roadmap, NETR"), yang membuka peluang pelaburan dalam projek Tenaga Boleh Baharu ("TBB") seperti solar

Ekuiti Global	dan hidrogen. Sektor ini dijangka terus mencatatkan pertumbuhan mampan dalam jangka panjang. • Sektor Pembinaan dan Sektor Hartanah Sektor ini mendapat manfaat daripada pembangunan pusat data di Johor dan peningkatan permintaan terhadap tenaga dan infrastruktur berkaitan, serta disokong oleh inisiatif kerajaan seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 ("New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030").
	Kepelbagaian pendedahan merentasi pasaran utama dunia termasuk Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah ("European Union, EU") dan rantau Asia Pasifik, bagi memastikan pulangan yang kompetitif serta mengurangkan risiko tumpuan portfolio. Sektor-sektor utama yang menjadi tumpuan: • Sektor Teknologi Maklumat Khususnya syarikat-syarikat berkaitan Kecerdasan Buatan ("Artificial Intelligence, AI"), selaras dengan potensi pertumbuhan jangka panjang. • Sektor-sektor Defensif Merangkumi sektor Penjagaan Kesihatan, termasuk segmen farmaseutikal dan teknologi perubatan, serta sektor Barangan Asasi Pengguna bagi mengimbangi risiko dan meningkatkan daya tahan keseluruhan portfolio Dana dalam keadaan pasaran yang tidak menentu.
Sekuriti Berpendapatan Tetap Domestik	Pelaburan tertumpu kepada sukuk korporat, selaras dengan objektif Dana untuk menjana pendapatan yang stabil dan mampan. Keutamaan terhadap sukuk korporat domestik adalah berasaskan sifatnya yang lebih defensif serta kadar hasil hingga matang yang lebih tinggi berbanding bon kerajaan, sekali gus membolehkan Dana memperoleh pulangan tambahan yang lebih menarik. Pendekatan ini menyokong usaha Dana untuk meningkatkan pulangan dan mengekalkan kestabilan portfolio dalam persekitaran pasaran yang mencabar. Pelaburan Dana dilakukan dalam sektor Kewangan, sektor Tenaga, sektor Utiliti dan sektor Hartanah yang mempunyai tempoh matang antara tiga (3) sehingga dua puluh (20) tahun. Sektor-sektor ini mempunyai asas kewangan yang kukuh serta prospek yang mampan. Pelaburan juga dilakukan di dalam sekuriti hutang kerajaan Malaysia seperti Malaysian Government Securities ("MGS") dan Government Investment Issues ("GII"), yang dilaksanakan secara taktikal, terutamanya

Sekuriti Berpendapatan Tetap Global	bagi memanfaatkan tahap kecairan pasaran yang lebih tinggi, serta bagi tujuan pengurusan kecairan dan aliran tunai portfolio. Kadar hasil telah mencatatkan penurunan susulan penurunan Kadar Dasar Semalaman ("Overnight Policy Rate, OPR") oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") pada bulan Julai 2025. Persekitaran kadar faedah yang lebih rendah ini telah membuka peluang kepada Dana untuk menjana laba modal, khususnya melalui pegangan dalam GII dan sukuk terbitan badan kuasi-kerajaan yang mempunyai tahap kecairan yang tinggi, selaras dengan strategi taktikal yang telah dilaksanakan.
	Pelaburan ini bersifat jangka panjang dan menjadi sebahagian daripada portfolio teras Dana. Tumpuan diberikan kepada sukuk antarabangsa yang mempunyai tahap kecairan yang tinggi dan memberi pulangan yang setimpal atau lebih tinggi daripada pasaran domestik, selain mempunyai potensi untuk menjana laba modal seperti sukuk kerajaan dari Arab Saudi, Amerika Syarikat, Australia dan Indonesia, yang diterbitkan dalam mata wang US Dolar ("USD") dengan kadar hasil sekitar 4.3%-6.1%. Pelaburan turut dibuat dalam sukuk korporat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh antaranya dalam sektor Kewangan, sektor Tenaga dan sektor Utiliti di negara-negara seperti Arab Saudi, Amerika Syarikat, Emiriah Arab Bersatu, Qatar dan juga Australia dengan kadar hasil sekitar 4.13%-5.90%.
Pasaran Wang	Purata kadar hasil antara 3.00%-3.50%, dengan tempoh matang yang singkat antara satu (1) hari sehingga tiga puluh (30) hari, sejajar dengan objektif kecairan jangka pendek Dana.

3.4 ULASAN EKONOMI

Ekonomi Global	Prestasi kukuh sepanjang tahun 2025, dengan pertumbuhan ekonomi global pada paras 3.4% (2024: 3.3%), didorong oleh keseimbangan antara momentum positif daripada pelaburan berkaitan AI terutamanya di Amerika Syarikat dan Asia, serta kesan negatif yang berpunca daripada ketidaktentuan dasar perdagangan global. Momentum pertumbuhan berbeza mengikut rantau: - Amerika Syarikat: Berkembang sebanyak 2.1%, disokong oleh lonjakan perbelanjaan teknologi yang dianggarkan menyumbang kira-kira 0.5% kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK"). - China: Pertumbuhan sebanyak 5.0%, dipacu oleh prestasi eksport yang berdaya tahan walaupun permintaan domestik khususnya dalam sektor Perumahan, kekal lemah.
-----------------------	--

	• ASEAN-5 (Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, dan Thailand): Pertumbuhan ekonomi kekal stabil sekitar 4.5%, disokong oleh eksport berkaitan teknologi. Tekanan harga global mula menunjukkan tanda-tanda penurunan apabila kadar inflasi keseluruhan, turun kepada 4.1% pada tahun 2025 (2024: 5.8%), mencerminkan kesan gabungan kawalan melalui dasar monetari dan juga penyederhanaan permintaan global. Lanskap makro yang positif ini mula diuji pada awal tahun 2026, apabila ketegangan perdagangan kembali meruncing dan konflik geopolitik di Timur Tengah terus menambah kepada ketidakpastian lanskap ekonomi global. <i>Sumber data dari: IMF World Economic Outlook, Jan & Apr 2026</i>
Ekonomi Domestik	Pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.2% pada tahun 2025, melepasi purata jangka panjang sebanyak 4.9%, disokong oleh: • Permintaan domestik yang kukuh dengan penggunaan isi rumah berkembang sebanyak 5.2%, dipacu oleh kenaikan gaji kakitangan awam, peningkatan gaji minimum dan pelaksanaan program bantuan tunai oleh kerajaan. • Pelaburan swasta meningkat sebanyak 9.4%, mencerminkan momentum berterusan dalam industri berteknologi tinggi. • Eksport kekal berdaya tahan berasaskan permintaan global terhadap semikonduktor dan komponen berkaitan AI, dengan akaun semasa mencatatkan lebih sebanyak 1.6% daripada KDNK. Dari segi dasar monetari, BNM telah mengekalkan OPR pada 2.75% selepas penurunan sebanyak 25 mata asas pada bulan Julai 2025. Inflasi keseluruhan purata bagi tahun 2025 kekal terkawal pada 1.4% (2024: 1.8%), di bawah purata jangka panjang 2.2%. Walaupun konflik di Iran yang berterusan menimbulkan ketidakpastian harga minyak global, ekonomi Malaysia kekal terlindung secara relatif dengan kedudukannya sebagai pengeksport tenaga bersih. <i>Sumber data dari: Bank Negara Malaysia, Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2025 (diterbitkan 31 Mac 2026)</i>
Pasaran Mata Wang	Ringgit Malaysia mengukuh berbanding mata wang USD, daripada paras RM4.4383/USD pada akhir tahun kewangan 31 Mac 2025 kepada RM4.0495/USD pada 31 Mac 2026, sejajar dengan: • Pengurangan jurang kadar faedah antara Malaysia dan Amerika Syarikat. • Pengurangan kebergantungan terhadap USD sebagai mata wang rizab. • Aliran keluar modal ke pasaran negara membangun.

3.5 ULASAN PASARAN SAHAM

Saham Global

Prestasi bercampur-campur, dengan kecenderungan kepada pertumbuhan positif yang dipengaruhi oleh perkembangan pesat sektor Teknologi Maklumat berkaitan AI, pasaran buruh yang mampan di negara-negara maju, serta pemulihan ketara ekonomi di sebahagian besar pasaran Asia.

- Prestasi memberangsangkan di pasaran Korea Selatan, Taiwan, dan Thailand, yang didorong oleh lonjakan permintaan dalam ekosistem semikonduktor global, serta pengukuhan ekonomi domestik.
- Prestasi lemah di China dan Filipina, dipengaruhi oleh faktor kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi yang berlarutan, ketidakpastian dasar kerajaan, serta aliran keluar dana pelabur asing meskipun terdapat pengumuman rangsangan ekonomi secara berperingkat bagi merangsang pertumbuhan.

Prestasi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac			
Negara / Rantau	Indeks	2026 (%)	2025 (%)
Antarabangsa	MSCI All Country World Islamic Index ("MSCI ACWII")	+24.6	-5.2
Amerika Syarikat	S&P 500	+16.3	+6.8
	NASDAQ 100	+23.1	+5.6
Taiwan	TAIEX	+53.3	+2.0
China	HSCEI	-1.7	+46.6
Singapura	STI	+23.0	+23.2
Filipina	PCOMP	-3.8	-10.5
Korea Selatan	KOSPI	+103.6	-9.7
Indonesia	JCI	+8.3	-10.7
Thailand	SET	+25.0	-16.0

Saham Domestik

Prestasi positif dipacu oleh penggunaan domestik, pelarasan positif gaji penjawat awam, kenaikan gaji minimum, serta bantuan tunai daripada kerajaan. Ini turut diperkukuhkan oleh pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur yang berterusan, serta pertumbuhan dalam segmen pusat data. Faktor luaran seperti pengetatan sekatan eksport cip oleh Amerika Syarikat telah memberi kesan kepada rantaian bekalan global, di samping ketegangan berterusan di Timur Tengah.

Indeks	Pada 31.03.2026	Prestasi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac	
		2026 (%)	2025 (%)
FBM KLCI	1,690.36	+11.7	-1.5

Prestasi FBM KLCI bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026 didorong oleh sektor-sektor dan saham-saham berikut:

Deskripsi	Sektor / Saham	Prestasi Tahun Kewangan Berakhir 31.03.2026 (%)
Sektor yang mencatat kenaikan ketara	Perladangan	+20.8
	Perindustrian	+19.3
	Hartanah	+9.7
Sektor yang mencatat penurunan ketara	Penjagaan Kesihatan	-14.1
	Telekomunikasi	-11.4
	Pembinaan	-3.3
Saham yang mencatat kenaikan ketara	Petronas Chemicals Group Berhad	+67.7
	99 Speed Mart Retail Holding	+67.2
	Press Metal Aluminium Holdings Berhad	+58.7
Saham yang mencatat penurunan ketara	YTL Corp Berhad	-15.5
	CelcomDigi Berhad	-14.9
	Gamuda Berhad	-11.2

3.6 ULASAN PASARAN SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP

Sekuriti Berpendapatan Tetap Global

Kadar hasil perbendaharaan Amerika Syarikat 10-tahun ("10-year US Treasury") meningkat sebanyak 15 mata asas kepada 4.32% pada hujung bulan Mac 2026, akibat ketegangan geopolitik antara Iran dan Amerika Syarikat yang tercetus pada suku pertama tahun 2026. Ini telah meningkatkan jangkaan pelabur bahawa Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat ("Federal Reserve Board") berkemungkinan mengekalkan Kadar Dana Persekutuan ("Federal Fund Rate, FFR") dalam julat 3.50%-3.75% untuk tempoh yang lebih lama, atau berpotensi menaikannya lagi. Kesannya, hasil bon turut meningkat seiring dengan jangkaan pasaran terhadap dasar monetari yang lebih ketat.

Sekuriti Berpendapatan Tetap Domestik

FTSE BPAM Ringgit All Bond Index mencatatkan pulangan tahunan sebanyak 4.12%, disokong oleh kadar inflasi domestik yang kekal stabil serta langkah BNM menurunkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 2.75% pada bulan Julai 2025. Persekitaran kadar faedah yang lebih rendah ini menjadikan pasaran bon domestik lebih menarik, sekali gus mendorong peningkatan permintaan yang lebih kukuh daripada pelabur tempatan dan antarabangsa.

3.7 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Prospek Ekonomi dan Pasaran Modal	Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2027, pasaran modal dijangka terus dipengaruhi oleh tahap ketidaktentuan yang tinggi, khususnya berkaitan geopolitik di Timur Tengah. Konflik yang berterusan antara Amerika Syarikat dan Iran berpotensi mengganggu rantaian bekalan global, terutamanya dalam sektor Tenaga. Strategi pelaburan Dana akan mengambil pendekatan berhemat dan proaktif dengan melaraskan strategi pelaburan berdasarkan pemantauan rapi ke atas perkembangan ekonomi serta pasaran untuk memastikan pulangan kompetitif, di samping mengimbangi tahap risiko.
Perumpukan Aset	• Penekanan kepada kepelbagaian merentas kelas aset, termasuk ekuiti domestik dan global, sekuriti berpendapatan tetap domestik dan global, serta pasaran wang, bagi mengimbangi pulangan dan risiko portfolio dalam persekitaran pasaran yang mencabar. • Pengimbangan semula perumpukan aset daripada ekuiti domestik kepada ekuiti global dan sekuriti berpendapatan tetap domestik, sejajar dengan perumpukan aset jangka panjang.
Ekuiti Domestik	Pelaburan akan dibuat secara selektif dengan tumpuan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh, kedudukan pasaran yang mampan dan potensi pulangan dividen yang stabil bagi memastikan daya tahan portfolio dalam persekitaran pasaran yang mencabar. Sektor-sektor yang akan diberi tumpuan: • Sektor Pembinaan Disokong oleh pelaksanaan projek infrastruktur berskala besar seperti MRT 3, LRT Bayan Lepas serta projek pembangunan lain, terutamanya di Johor dan Sarawak, serta pembangunan pusat data yang dijangka merangsang aktiviti ekonomi tempatan. • Sektor Tenaga dan Sektor Utiliti Sejajar dengan inisiatif peralihan tenaga negara serta peningkatan permintaan elektrik berikutan pertumbuhan pusat data dan pelaburan dalam infrastruktur digital. • Sektor Kewangan Dijangka kekal berdaya saing dengan sokongan permintaan domestik serta potensi pulangan dividen yang kompetitif. • Sektor Defensif Pelaburan dalam subsektor Amanah Pelaburan Hartanah ("Real Estate Investment Trusts, REITs") dan sektor Penjagaan Kesihatan

	akan berfungsi sebagai komponen defensif portfolio bagi menyediakan kestabilan dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu.
Ekuiti Global	Dana mempelbagaikan pendedahan merentasi pasaran Amerika Syarikat, EU, dan Asia Pasifik bagi mengoptimumkan pulangan. Strategi ini mengutamakan pelaburan dalam pasaran pesat membangun berbanding pasaran maju, dengan mengambil kira faktor penilaian yang menarik, pertumbuhan KDNK yang lebih pesat, serta manfaat peralihan dan penstrukturan semula rantaian bekalan global. Sektor-sektor utama yang akan diberi tumpuan: • Sektor Teknologi Maklumat Khususnya syarikat-syarikat berkaitan AI, selaras dengan potensi pertumbuhan jangka panjang sektor tersebut. • Sektor-sektor Defensif Seperti sektor Penjagaan Kesihatan, termasuk segmen farmaseutikal dan teknologi perubatan, serta sektor Barangan Asasi Pengguna bagi mengimbangi risiko dan meningkatkan daya tahan keseluruhan portfolio Dana dalam keadaan pasaran yang tidak menentu.
Sekuriti Berpendapatan Tetap Domestik	Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap domestik akan dikekalkan bagi memperoleh kadar pendapatan kupon yang stabil, di samping dapat mengurangkan risiko portfolio dan menstabilkan NAB Dana. Keutamaan akan diberikan kepada pelaburan dalam sukuk korporat yang bersifat lebih defensif dan memberikan kadar hasil yang lebih menarik dalam keadaan pasaran yang kurang menentu. Pelaburan Dana dalam sukuk korporat akan dibuat dengan pemilihan instrumen-instrumen yang bermutu dan setelah mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kadar hasil yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh Dana. Pegangan akan tertumpu pada sukuk korporat dengan purata penarafan kredit "AA" dan tempoh matang antara lima (5) sehingga sepuluh (10) tahun yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil. Dana juga akan mempelbagaikan pelaburan dalam sukuk korporat menerusi kepelbagaian sektor seperti sektor Kewangan dan sektor Hartanah. Durasi boleh ubah Dana juga akan mengambil kira faktor ekonomi domestik dan ekonomi global, seperti kadar inflasi dan kadar pertumbuhan ekonomi. Pelaburan di dalam GII ataupun sukuk badan kuasi-kerajaan akan dilakukan secara selektif dan taktikal memandangkan kadar hasil masih berada pada tahap rendah, sejajar dengan jangkaan bahawa BNM akan mengekalkan OPR pada kadar 2.75% sepanjang tahun 2026.

Sekuriti Berpendapatan Tetap Global	Pelaburan dalam pasaran sekuriti berpendapatan tetap global akan terus dipertingkatkan secara strategik dengan mempertimbangkan faktor-faktor utama seperti kadar hasil, penarafan kredit, dan turun naik mata wang demi mengoptimumkan pulangan kepada para pelabur. Dalam menghadapi ketidaktentuan global, tumpuan khusus akan diberikan kepada dua faktor utama berikut: (1) Konflik Iran dan Amerika Syarikat: Perkembangan konflik ini akan dipantau dengan rapi bagi menjangkakan impaknya terhadap kelas aset berpendapatan tetap antarabangsa, serta menentukan daya saing pelaburan di rantau tersebut; dan (2) Kadar inflasi global yang tinggi: Tekanan inflasi di seluruh dunia akan dianalisis secara berterusan bagi memastikan strategi pelaburan kekal relevan dan berupaya melindungi nilai aset. Pengurus Pelaburan akan sentiasa proaktif dalam memantau landskap ekonomi dan pasaran semasa. Pelarasan strategi akan dilaksanakan mengikut keperluan bagi memastikan penjanaan kadar hasil yang kompetitif berbanding penanda aras secara konsisten dalam jangka masa panjang.
	Pasaran Wang Pelaburan dalam pasaran wang juga akan diteruskan bagi memastikan kecairan yang mencukupi.

3.8 DAGANGAN SILANG

Sepanjang dalam tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASB 2. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

3.9 KEDUDUKAN HAL EHWAL DANA

Perubahan Signifikan Dana	Tiada
Situasi yang menjejaskan Kepentingan Pemegang Unit	Tiada
Komisen Ringan	Tiada
Pinjaman dan Pembiayaan Sekuriti	Tiada

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2 ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia yang telah diubahsuai mengikut spesifikasi khusus yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia seperti yang dinyatakan pada Nota 2 Laporan Penyata Kewangan dan Garis Panduan Dana Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambil kira pengecualian yang telah diberikan kepada Unit Amanah bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Mac 2026, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 14 Mei 2026.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN
RAJA TUN UDA**
Pengerusi

DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
14 Mei 2026

5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-pemegang Unit **AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2** ("Dana")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Dana bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Dana dalam tahun penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Dana adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Dana.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
14 Mei 2026

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASB 2

Laporan penyata kewangan

Pendapat

Ringkasan penyata kewangan, yang merangkumi penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2026, dan nota-nota yang berkaitan, berasal dari penyata kewangan yang diaudit AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("Unit Amanah") untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026.

Pada pendapat kami, ringkasan penyata kewangan yang disertakan adalah konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit, sesuai dengan keperluan pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC untuk pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia.

Ringkasan penyata kewangan

Ringkasan penyata kewangan tidak mengandungi semua pendedahan yang diperlukan oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia seperti yang diubah oleh spesifikasi yang dikeluarkan oleh SC ("Spesifikasi SC") seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 pada ringkasan penyata kewangan dan Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia. Oleh itu, bacaan ringkasan penyata kewangan dan laporan juruaudit di atasnya bukanlah pengganti untuk penyata kewangan Unit Amanah yang diaudit dan laporan juruaudit di atasnya.

Penyata kewangan yang diaudit dan laporan kami di atasnya

Kami menyatakan pendapat audit yang tidak diubah suai mengenai penyata kewangan yang diaudit dalam laporan kami bertarikh 14 Mei 2026.

Tanggunganjawab Pengurus dan Pemegang Unit terhadap Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab untuk penyediaan ringkasan penyata kewangan bersesuaian dengan syarat pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC mengenai pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC tentang Dana Unit Amanah di Malaysia.

Tanggunganjawab juruaudit

Tanggunganjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat samaada ringkasan penyata kewangan konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit berdasarkan prosedur kami, yang dijalankan sesuai dengan Piawaian Pengauditan yang Disetujui Malaysia (ISA) 810 (Disemak semula), "Penglibatan untuk Melaporkan Ringkasan Penyata Kewangan".

Sekatan penggunaan

Laporan kami mengenai ringkasan penyata kewangan Unit Amanah untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2026 dikeluarkan dengan mematuhi Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia dan tanpa tujuan lain.

Ernst & Young PLT
202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
14 Mei 2026

Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad Nor
No. 03083/07/2027 J
Akauntan Bertauliah

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2026

	Nota	2026 RM	2025 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari instrumen pasaran wang, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		128,249,320	85,955,564
Pendapatan dari PNB		-	27,000,000
Pendapatan dividen		415,014,557	402,385,305
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		436,394,474	368,836,463
Keuntungan ternyata daripada kontrak tukaran mata wang asing hadapan		8,742,430	-
Kerugian bersih kadar tukaran asing		(48,009,076)	(3,264,158)
		<u>940,391,705</u>	<u>880,913,174</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurusan	5	54,375,669	47,027,705
Yuran pemegang amanah	6	900,000	900,000
Ganjaran juruaudit		38,500	36,800
Yuran ejen cukai		5,200	4,900
Perbelanjaan pentadbiran		8,354,576	15,335,494
Rosot nilai dalam pelaburan disebut harga		57,541,433	32,825,544
		<u>121,215,378</u>	<u>96,130,443</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI CUKAI	7	<u>819,176,327</u>	<u>784,782,731</u>
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>-</u>	<u>-</u>
		<u>819,176,327</u>	<u>784,782,731</u>
Pengagihan pelaburan	8	<u>820,500,843</u>	<u>730,982,467</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit		<u>5.50 sen</u>	<u>5.50 sen</u>
Tarikh pengagihan		<u>1 April 2026</u>	<u>1 April 2025</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2026**

	2026	2025
Nota	RM	RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	819,176,327	784,782,731
Lain-lain pendapatan komprehensif	-	-
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF UNTUK TAHUN KEWANGAN	819,176,327	784,782,731
Jumlah pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:		
Ternyata	860,572,770	785,248,317
Tidak ternyata	(41,396,443)	(465,586)
	<u>819,176,327</u>	<u>784,782,731</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**7.3 PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2026**

	2026 RM	2025 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	9,306,069,221	6,538,389,204
Pembelian pelaburan	(10,201,659,127)	(7,466,178,261)
Simpanan dalam deposit dan instrumen kewangan	(84,694,776)	(150,000,000)
Pengeluaran dari deposit dan instrumen kewangan	150,000,000	155,056,306
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	131,780,238	92,146,183
Pendapatan dividen diterima	407,056,365	467,235,875
Pembayaran yuran pengurus	(53,852,721)	(46,535,287)
Pembayaran yuran pemegang amanah	(930,000)	(903,176)
Pembayaran lain-lain perbelanjaan	(1,551,446)	(15,263,727)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi dan pelaburan	(347,782,246)	(426,052,883)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Tunai diterima daripada penjadian unit	1,773,800,000	1,605,100,000
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	-	(216,900,000)
Pengagihan dibayar	(730,982,467)	(660,548,730)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	1,042,817,533	727,651,270
PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	695,035,287	301,598,387
PERBEZAAN PERTUKARAN MATAWANG ASING	(15,278,847)	(3,264,159)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	1,216,892,354	918,558,126
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	1,896,648,794	1,216,892,354
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	160,355,020	83,396,304
Deposit dengan institusi kewangan	1,820,988,550	1,283,496,050
Deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang lebih dari 3 bulan	(84,694,776)	(150,000,000)
	1,896,648,794	1,216,892,354

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

7.4 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 31 MAC 2026

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2 ("Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 26 Mac 2014, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 7.1 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 2 April 2014, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 12.3 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama PNB ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hakmilik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah pada 9 Disember 2013.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 14 Mei 2026.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut rangka kerja Perangkaan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang diubahsuai mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan Garis Panduan Dana Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengeluarkan spesifikasi khusus di mana Permodalan Nasional Berhad ("PNB") dan unit amanah berharga tetap yang diuruskan oleh PNB dikecualikan daripada tetapi dibenarkan untuk menggunakan MFRS 9 Financial Instruments: Recognition and Measurement ("MFRS 9") dan MFRS 7 Financial Instruments: Disclosures ("MFRS 7"). Berdasarkan spesifikasi diberikan, Unit Amanah telah memilih untuk tidak menggunakan MFRS 9 dalam perakaunan bagi instrumen kewangan dan MFRS 7 bagi tujuan pendedahan yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Dasar Unit Amanah bagi perakaunan bagi instrumen kewangan dinyatakan dalam Nota 3 (a).

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah.

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS yang baru dan disemak semula yang tertakluk kepada entiti dengan tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 April 2025 tidak memberi kesan signifikan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") tetapi belum berkuatkuasa pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata kedudukan kewangan, merangkumi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, sekuriti modal bercantum, skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan, saham disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

(b) Pelaburan

(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan kebiasaannya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan ini dinyatakan pada kos dan di mana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam Penyata Untung atau Rugi.

(ii) Saham Disebut Harga, Saham Pinjaman/Waran, Pelaburan Amanah Hartanah ("REITs") dan Skim Pelaburan Kolektif Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam saham disebut harga, saham pinjaman/waran, REITs dan skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajar. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam Penyata Untung atau Rugi.

Termasuk dalam pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga adalah syarikat-syarikat di mana Unit Amanah memegang lebih dari 20% tetapi kurang dari 50% kepentingan ekuiti. Unit Amanah tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap syarikat pelaburannya kerana Unit Amanah (i) tidak mempunyai perwakilan dalam lembaga pengarah entiti ini; dan (ii) tidak mengambil bahagian dalam proses pembuatan dasar mereka. Sebagai tambahan, Unit Amanah tidak terlibat dalam pembuatan keputusan untuk tujuan menggunakan hak suara dalam mesyuarat agung entiti-entiti ini.

(iii) Deposit dengan Institusi Kewangan

Deposit dengan institusi kewangan adalah dinyatakan pada kos.

(c) Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham

Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

(d) Pendapatan Belum Terima

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

(e) Pelbagai Pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

(f) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan skim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan/pendapatan daripada instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akrual menggunakan kaedah kadar faedah keuntungan efektif.

Keuntungan daripada penjualan pelaburan ialah perbezaan di antara nilai bersih dan nilai bawaan pelaburan.

(g) Mata Wang Asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian"). Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusaniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Penyata Untung atau Rugi.

Transaksi bukan kewangan pada nilai saksama yang didenominasikan dalam mata wang asing ditukarkan pada kadar semasa pada tarikh nilai saksama ditentukan. Transaksi bukan kewangan yang diukur dari segi kos sejarah dalam mata asing tidak ditukarkan. Perbezaan tukaran yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan pada nilai saksama dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut kecuali perbezaan yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan yang mana keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada transaksi bukan kewangan juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

(h) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi di mana risiko dalam perubahan nilai adalah tidak ketara.

4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Penilaian Kritikal Dibuat dalam Mengaplikasi Polisi Perakaunan

Penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Unit amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:

- (i) Pengurus Pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya adalah dirosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan di antara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelaburan merosot.
- (ii) Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskaunkan, aset nyata bersih, nilai aset ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi menganggar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liabiliti, mungkin mengandungi risiko penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa ke tahun kewangan seterusnya, bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu, andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain, andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskaun yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang di bawa secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

(c) Penilaian Rosot Nilai

Penilaian rosot nilai pelaburan-pelaburan yang terlibat dengan indikasi-indikasi rosot telah dilaksanakan oleh Pengurus Pelaburan. Pada tahun semasa pengiktirafan rosot nilai pelaburan adalah sebanyak RM57,541,433 (2025: RM32,825,544).

Pengurus telah memastikan bahawa tinjauan penurunan nilai pelaburan Amanah adalah berdasarkan maklumat yang munasabah dan boleh disokong. Ini termasuk mencerminkan bahawa kesan kejutan wabak ini adalah bersifat sementara dan juga mengambil kira langkah-langkah sokongan ekonomi dan kewangan yang telah diumumkan oleh kerajaan Malaysia dan kerajaan lain di seluruh dunia untuk mengurangkan kesan COVID-19 kepada perniagaan dan ekonomi. Pengurus juga telah berusaha untuk menyesuaikan strategi pelaburannya dengan mempelbagaikan portfolio Amanah dan melabur dalam kelas aset baru, baik di pasaran kewangan tempatan dan antarabangsa bagi menangani persekitaran operasi yang semakin mencabar.

5. YURAN PENGURUS

Klaus 13.1 dan Jadual ke Lapan Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.5% setahun daripada NAB pada kos ("VOF") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah. Pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026, tiada pengecualian yuran pengurusan.

Yuran Pengurus yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026 ialah 0.35% (2025: 0.35%) setahun daripada VOF Unit Amanah.

6. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klaus 13.2 dan Jadual ke Sembilan Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran sehingga 0.08% daripada NAB pada kos ("VOF") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, tertakluk kepada minimum RM18,000 setahun.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026 ditetapkan pada RM900,000 (2025: RM900,000).

7. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan kecuali pendapatan dividen oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, sehingga tahun taksiran 2028.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, potongan cukai di sumber bagi pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

8. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	2026 RM	2025 RM
Peruntukan pengagihan	820,500,843	730,982,467

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan pada tahun berakhir 31 Mac 2026 sebanyak 5.50 sen (2025: 5.50 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berasaskan purata baki minimum bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit sepanjang tempoh 12 bulan sehingga akhir tahun kewangan.

Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	2026 RM	2025 RM
Pendapatan dari instrumen, pasaran wang sekuriti		
berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	128,249,320	85,955,564
Pendapatan dari PNB	-	27,000,000
Pendapatan dividen	415,014,557	402,385,305
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	405,064,977	314,570,613
Kerugian bersih ternyata kadar tukaran asing	(6,612,633)	(2,798,572)
	941,716,221	827,112,910
Tolak: Perbelanjaan	(121,215,378)	(96,130,443)
Jumlah pengagihan	820,500,843	730,982,467
Pengagihan kasar dan bersih seunit	5.50 sen	5.50 sen

9. MODAL PEMEGANG UNIT

	2026		2025	
	Unit	RM	Units	RM
Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:				
Pada awal tahun	14,172,497,611	14,172,497,611	12,746,997,611	12,746,997,611
Perjadian unit untuk:				
Pelaburan semula pengagihan	726,600,000	726,600,000	656,100,000	656,100,000
Jualan perjadian unit	1,035,900,000	1,035,900,000	986,300,000	986,300,000
Jualan pembatalan unit	-	-	(216,900,000)	(216,900,000)
Pada akhir tahun	15,934,997,611	15,934,997,611	14,172,497,611	14,172,497,611

10. UNIT DIPEGANG OLEH PENGURUS DAN PNB

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Mac 2026, PNB secara sah memegang 34,251,854 unit (2025: 12,425,267 unit), merangkumi 0.21% (2025: 0.09%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

11. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM / BROKER / DEALER / INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga RM	%	Yuran Broker RM	%
CIMB Investment Bank Berhad*	2,021,666,168	10.40	383,114	2.61
Maybank Investment Bank Berhad*	1,714,338,803	8.82	969,831	6.61
Citigroup Global Market (Malaysia) Sdn. Bhd.	1,465,044,296	7.54	1,080,478	7.36
Nomura Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	1,077,499,828	5.54	1,501,619	10.23
Bank of America (Malaysia) Berhad	988,899,967	5.09	464,623	3.16
CGS International Securities Malaysia Sdn. Bhd.	888,231,398	4.57	1,053,961	7.18
UBS Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	878,323,625	4.52	1,094,352	7.45
HSBC Bank Plc	862,647,538	4.44	444,685	3.03
CLSA Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	840,725,948	4.32	1,105,747	7.53
Macquarie Capital Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	805,226,064	4.14	1,093,966	7.45
Lain-lain	7,896,983,870	40.62	5,490,377	37.39
	19,439,587,505	100.00	14,682,753	100.00

ASNB dan PNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham tersebut.

* PNB dan/atau dana unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri.

12. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2026	2025
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.63 kali	0.55 kali

PGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan PGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

13. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2026	2025
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.41%	0.51%

NPP dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

14. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar pendapatan dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti / Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti / pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan prestasi syarikat-syarikat yang dilabur yang teliti.

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Mata Wang

Risiko mata wang ialah risiko penurunan dan peningkatan nilai instrumen kewangan disebabkan oleh perubahan kadar pertukaran mata wang asing. Unit Amanah melabur dalam sekuriti patuh syariah dan pelaburan lain yang didominasi oleh mata wang selain mata wang fungsian. Justeru, nilai aset-aset Unit Amanah mungkin akan memihak menguntungkan atau sebaliknya disebabkan oleh risiko peningkatan atau penurunan kadar mata wang asing.

Risiko Kecairan / Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi sebagai sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko dimana kegagalan dari pihak yang berurusan untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

15. LAPORAN BERSEGMENT

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

16. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB, Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Unit No. A-G-R4, A-G-R5, A-G-R6 & A-G-R7, Block A, Bangunan Suasana PJH, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 & 18-2, Pusat Dagangan Shah Alam, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40000 Shah Alam, Selangor	No. 2, Jalan Medan Niaga 8, Medan Niaga Kuala Selangor, 45000 Kuala Selangor, Selangor
MELAKA	
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al-Azim, Jalan KPAA 1, Bukit Baru, 75150 Melaka	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban, Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh, Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan, Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah, Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan, Pahang	No. 8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh, Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 & A-12A-2, Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang
PERLIS	
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 Kangar, Perlis	Lot 1, 2 & 3, Tingkat Bawah dan Tingkat 1, Jalan Pejabat, Mukim Bandar, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
No. 27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar, Kedah	No. 51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani, Kedah
JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Bandar Penggaram, 83000 Batu Pahat, Johor	No. 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre, 81200 Johor Bahru, Johor

JOHOR	
No. 6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 Segamat, Johor	
KELANTAN	
Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu, Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>	No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh, Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>
SABAH	
Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal, 88100 Kota Kinabalu, Sabah	TB 4287 & 4280, Tingkat Bawah & Satu, Town Ext II, Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau, 91000 Tawau, Sabah
Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu, Sabah	Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau, Sabah
Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan, Sabah	
SARAWAK	
Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching, Sarawak	Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 Miri, Sarawak
Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu, Sarawak	Lot 1457 & 1458, Sg. Kudong Shophouse, Ground Floor, Jalan Buangsiol, 98700 Limbang, Sarawak
Lot 1922 & 1923, Lorong 1, Jalan Kelab, 95000 Sri Aman, Sarawak	Lot 1007 & 1008, Jalan Kampung Nyabor, 96000 Sibul, Sarawak

9. MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad
197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

Permodalan Nasional Berhad
197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 91, Menara Merdeka 118
Presint Merdeka 118
50118 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

EMEL

asnbcare@asnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad
200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 34, Vista Tower, The Intermark
348, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

TELEFON

03-2036 5129

EMEL

info@artrustees.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.my

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

